



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
STATUS PENGANJURAN LE TOUR DE LANGKAWI 2022
(LTdL 2022)

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil maklum akan kenyataan yang dikeluarkan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) berhubung status penganjuran Le Tour de Langkawi 2022 (LTdL 2022).

PKBM antara lain menyatakan yang KBS bersikap “acuh tak acuh” dan hanya mahu berbincang bersama syarikat penganjur, Human Voyage Sdn. Bhd. sahaja berkaitan penganjuran LTdL 2022.

Sehubungan itu, KBS ingin menjelaskan yang kementerian telah menerima permohonan rasmi daripada syarikat untuk menunda kejohanan daripada 3 hingga 10 Mac 2022 kepada 18 hingga 26 Jun 2022. Antara justifikasi yang diberikan adalah:

1. Peningkatan kes COVID-19 yang mendadak dan membimbangkan melibatkan penularan varian omicron di seluruh dunia;
2. Keperluan untuk menjalani kuarantin wajib terutamanya bagi individu dari negara yang disenaraikan berisiko varian omicron oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
3. Penstrukturan semula strategi pemasaran dan pengkomersialan termasuklah melibatkan hak siaran agar tidak bertindih dengan kejohanan di eropah.

Bagi memastikan cadangan yang dikemukakan syarikat dibincangkan secara teliti dan komprehensif, KBS sudah menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana LTdL 2022 pada 27 Januari 2022.

Mesyuarat ini akan turut melibatkan PKBM selaku badan induk kebangsaan serta pihak syarikat untuk bersama berbincang dan mencari titik persefahaman dengan mengambil kira kepentingan kejohanan dan penilaian risiko kesihatan awam.

KBS ingin jelaskan yang penganjuran kejohanan LTdL 2022 adalah komitmen KBS selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai destinasi acara sukan antarabangsa dan di masa yang sama memberi keutamaan kepada kepentingan kesihatan awam.

Mohd Azhari bin Mohammad
Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

24 Januari 2022